

**Lesen judi: K'jaan perlu beri penjelasan terbuka
Malaysiakini.com
May 24, 2010**

Suara bantahan kepada isu kelulusan lesen judi bolasepak semakin lantang.

Terbaru, Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) mengulangi desakan agar pemberian lesen judi Piala Dunia 2010 oleh kerajaan pusat kepada Kumpulan Berjaya ditarik balik.

Menurut presidennya, Muhammad Razak Idris, Abim berpandangan bahawa sudah tiba masanya kerajaan memberi penjelasan secara terbuka sebagai reaksi kepada keprihatinan, desakan dan bantahan yang disuarakan oleh banyak pihak.

"Abim menyokong kenyataan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang baru-baru ini menggesa kerajaan menilai semula pemberian lesen tersebut.

"Siri-siri bantahan serta kenyataan-kenyataan keprihatinan tersebut, memberikan mesej yang jelas kepada pimpinan negara bahawa masyarakat Malaysia memandang berat implikasi dan kesan negatif pertaruhan judi ini kepada masyarakat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan media.

Katanya, Abim juga telah menghantar memorandum keprihatinan kepada para mufti di seluruh negara sejak seminggu yang lalu sebagai usaha menggesa kerajaan menarik balik pemberian lesen berkenaan.

"Dari pemerhatian pihak Abim, aktiviti-aktiviti pertaruhan serta perjudian haram sudah mula berleluasa menjelang kejohanan yang bakal menjelang nanti.

"Abim yakin tindakan legalization – iaitu mengiktiraf secara sah di sisi undang-undang sesuatu aktiviti haram (seperti kes pertaruhan judi) yang tidak mampu dikawal melalui penguatkuasaan undang-undang dan permintaan berterusan di pasaran gelap tidak akan menyelesaikan masalah. Bahkan sebaliknya, ia memberikan pengiktirafan kepada sesuatu yang illegal hanya kerana kegagalan kita mengawalinya."

Katanya, Abim juga menggesa umat Islam di seluruh negara agar menjauhi sebarang bentuk aktiviti perjudian serta pertaruhan memandangkan ia hanya akan meruntuhkan sahsiah individu, serta keutuhan institusi keluarga, masyarakat, dan secara khususnya, sistem ekonomi.

"Sebarang aktiviti perjudian serta pertaruhan adalah haram di sisi Islam. Ia jelas mendatangkan kemudaratan kepada institusi kekeluarga, masyarakat dan rakyat terbanyak," katanya.

Menurut Razak, berdasarkan kepada prinsip berkenaan, Abim membantah sekeras-kerasnya usaha untuk membudayakan unsur-unsur perjudian di kalangan setiap lapisan masyarakat di negara ini.